



SIARAN MEDIA

UDA MENDEKATI KOMUNITI BANDAR UDA UTAMA MENERUSI PROGRAM CSR 'PROJECT RE_'

Johor Bahru, 23 November 2019 - UDA Holdings Berhad (UDA) dengan kerjasama anak syarikat UDA Land South Sdn Bhd (ULSSB) dan Angsana Johor Bahru Mall terus mendekati komuniti setempat menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) iaitu 'UDA Cares'. Kali ini, UDA sekali lagi mengetengahkan salah satu tunggak utama 'UDA Cares' iaitu Project RE_ bagi memperkasa dan menyantuni warga Bandar UDA Utama, iaitu salah satu kawasan pembangunan yang dibangunkan oleh UDA.

Program UDA Cares – Project RE_ di Bandar UDA Utama hari ini telah dirasmikan oleh YB Cheo Yee How, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perling dan diiringi YBrs Sr Mohd. Salem Kailany, Ketua Pegawai Eksekutif UDA serta barisan tetamu kehormat yang lain.

YBrs Sr Mohd. Salem berkata, "UDA Cares - Project RE_ yang memfokuskan pada tiga (3) elemen utama iaitu komuniti, alam sekitar dan kesihatan adalah platform khusus untuk UDA memperkasa gaya hidup selain berkomunikasi dengan komuniti setempat. Kali ini, UDA mendekati komuniti Bandar UDA Utama dengan menganjurkan aktiviti larian 'Run RE_ Tree' dan penanaman pokok semula 'Plant A Tree'. Melalui penganjuran program ini, UDA berharap dapat menggalakkan komuniti setempat mengamalkan gaya hidup sihat selain memupuk semangat cintakan alam sekitar," katanya lagi.

Menariknya lagi, UDA turut menaik taraf taman permainan sedia ada di Bandar UDA Utama sebagai salah satu usaha murni mengekalkan dan menjaga keindahan taman tersebut. Tambah beliau lagi, "Sebagai pemaju hartanah, UDA bukan sahaja menjalankan perniagaan semata, tetapi dalam masa yang sama turut menitikberatkan perkhidmatan selepas jualan dengan mendekati komuniti setempat serta menjaga kelestarian kawasan tersebut".

Seramai 500 peserta menyertai larian 'Run RE_ Tree' sejauh 5 kilometer dan peserta dilepaskan pada jam 7.00 pagi. Selepas tamat larian, peserta, pengunjung serta tetamu kehormat yang lain turut berpeluang menanam semula sebanyak 300 pokok pada program 'Plant A Tree'. Selain itu, pengunjung turut berpeluang berekreasi di sekitar taman permainan serta berkunjung ke ruang pameran/jualan dan *foodtruck*.

YBrs Sr Mohd. Salem berkata, "Menariknya, program kemasyarakatan seumpama ini bukan sahaja merapatkan hubungan antara UDA dan penduduk setempat tapi dalam masa yang sama mengeratkan hubungan silaturrahim dengan pihak berkuasa tempatan. Kawasan padang dan taman permainan berkenaan telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Semoga kerjasama baik antara UDA dan MBJB dapat berterusan demi kebaikan bersama," katanya yang turut melawat ke ruang pameran projek ULSSB and Angsana Johor Bahru Mall bersama tetamu kehormat yang lain.

Penganjuran UDA Cares - Project RE_ kali ini turut membuka peluang kepada orang ramai khususnya penduduk di Bandar UDA Utama dan sekitarnya mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk-produk yang ditawarkan oleh ULSSB dan Angsana Johor Bahru Mall.

Sebagai salah sebuah syarikat korporat, UDA sentiasa mengimbangi peranannya. UDA tidak hanya membina pembangunan dan menjana keuntungan tapi pada masa yang sama turut fokus pada tanggungjawab sosial serta agenda nasional.

Tambah YBrs Sr Mohd. Salem lagi, "UDA sentiasa memperkemas program CSR dari semasa ke semasa bagi terus memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di wilayah perniagaan UDA. Pada pertengahan tahun ini, UDA telah memperkenalkan jenama 'UDA Cares' secara rasmi. Walaupun program CSR telah lama menjadi fokus utama UDA sejak awal penubuhannya lagi, namun jenama 'UDA Cares' baru sahaja diperkenalkan sebagai salah satu usaha meningkatkan kesedaran ramai terhadap inisiatif UDA," katanya lagi.

Seiring dengan pelancaran UDA Cares, UDA turut mengetengahkan empat tunggak utama bagi memperkemas program CSR UDA tahun ini iaitu ; UDA Cares – Educational, UDA Cares – Entrepreneur, UDA Cares – Project RE_ dan UDA Cares – Enriching Life.

Bagi UDA Cares – Educational, UDA mendekati generasi muda khususnya pelajar sekolah sebagai usaha memperkasa komuniti setempat menerusi pendidikan dan UDA telah merealisasikan inisiatif ini dengan melantik 12 Sekolah Angkat UDA di kawasan perniagaan UDA iaitu di Johor, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu, Selangor dan Lembah Klang. Setiap sekolah diperuntukkan RM30,000 bagi menjalankan aktiviti akademik dan ko-kurikulum bagi memfokuskan pada pembangunan pelajar.

"UDA turut memperkenalkan UDA Cares – Entrepreneur yang bertepatan dengan peranan UDA iaitu sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Inisiatif ini bertujuan menggalakkan kegiatan keusahawanan dalam komuniti sekitar perniagaan UDA. Menerusi UDA Cares – Enriching Life pula, UDA menjalankan tanggungjawab dengan mengagihkan zakat wakalah kepada golongan asnaf. Fokus bantuan ini diberikan kepada asnaf yang layak sekitar pembangunan UDA di Semenanjung Malaysia," katanya Encik Sr Mohd. Salem lagi.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah, pengurusan aset dan fasiliti, dan hospitaliti yang mampan serta berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan aset dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855